

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 26 Jun 2016 14:05
To: UUM - All Staff
Cc: ipqnet; Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: IPQ ERAT SILATURAHIM DENGAN IFTAR BERSAMA AHLI KELUARGA



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



26 JUN 2016/ 21 RAMADHAN 1437H

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

IPQ ERAT SILATURAHIM DENGAN IFTAR BERSAMA AHLI KELUARGA



IPQ ONLINE : Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Institut Pengurusan Kualiti telah mengadakan aktiviti di bulan Ramadhan iaitu Majlis Iftar Keluarga IPQ 2016 pada 23 Jun 2016 bertempat di Dewan Angsana, EDC Hotel & Residence, UUM.

Majlis ini bertujuan untuk merapatkan ukhuwah antara staf dan ahli keluarga IPQ. Secara khususnya Majlis berbuka puasa ini telah dihadiri seramai 100 orang yang terdiri dari staf dan ahli keluarga masing-masing. Hadir sama adalah Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga IPQ yang sentiasa komited dalam menjayakan agenda-agenda yang diamanahkan oleh universiti kepada IPQ. Di samping itu beliau juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pasangan warga IPQ di atas sokongan kepada pasangan masing-masing dan memahami akan ketika di mana pasangan mereka terpaksa pulang lewat atau datang bertugas di hujung minggu demi memastikan kelangsungan kerja di IPQ.

Beliau juga telah menyampaikan hadiah dan anugerah kepada staf yang cemerlang. Antara anugerah yang diberikan adalah Anugerah 5S, hadiah *staff of the month* untuk bulan Jun iaitu En Budiman Syuwari Budiman Sobri, Anugerah 5S (April-Jun iaitu penanggungjawab terbaik terbaik dimenangi oleh Cik Ku Ainarohaya Ku Aziz (Sudut 5S Zon BDSG), Anugerah Meja Staf terbaik dimenangi oleh Puan Sobiroh Hamdi, Anugerah Inovasi kategori individu dimenangi oleh Encik Shahrin Azly Muhamad Yusuf (Buku Nota IPQ Kitar Semula), Anugerah Inovasi kategori zon terbaik dimenangi oleh Zon BSKK Projek KIK “ Masa Penyediaan Laporan Mesyuarat Majlis Kualiti yang Panjang. Sementara itu, Anugerah Jawatankuasa terbaik dimenangi oleh Jawatankuasa Audit 5S, Anugerah Ketua Zon Terbaik dimenangi oleh Cik Norsila Ellias (Zon BSKK) dan Anugerah Zon Terbaik dimenangi oleh Zon BSKK. Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan duit raya kepada anak-anak staf IPQ. Selain itu Hadiah Khas diberikan kepada Tuan Haji Yahaya Ismail yang telah berpindah ke UUMIT.

Majlis ini juga diteruskan dengan tayangan montaj aktiviti daripada Kelab Kebajikan & Rekreasi IPQ untuk tahun 2016. Bagi menghayati Keberkatan Ramadhan, sesi Tazkirah Ramadhan telah disampaikan oleh Yang Berusaha Dr Mohd Nizho Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum, UUM CAS. Dalam tazkirah tersebut, beliau telah menerangkan berkenaan bagaimana ingin mendapat keberkatan Ramadhan dan panduan untuk mencari malam Lailatur Qadar.

Sebagai tanda penghargaan, majlis tersebut diteruskan dengan

penyampaian cenderahati kepada Yang Berusaha Dr. Mohd Nidzo dan majlis diteruskan dengan berbuka puasa. Majlis turut diikuti dengan solat maghrib berjemaah dan di akhir majlis diadakan sesi bergambar bersama keluarga IPQ 2016. Majlis tamat pada jam 8.40 malam.

Habis.

=====

**KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 3068/4679/4678/4657

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited.

If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the

official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or

corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.